

PEMERKASAAN PENGAJIAN TAKMIR SERTA SIGNIFIKANNYA DI NEGERI SEMBILAN: SATU TINJAUAN

EMPOWERMENT OF TAKMIR STUDIES AND ITS SIGNIFICANCE IN NEGERI SEMBILAN: A SURVEY

Muamar Rafizan Mustafa ¹
Mohammad Fahmi Abdul Hamid ²
Izzah Nur Aida Zur Raffar ³

¹ Pelajar Sarjana Akademi Pengajian Islam Kontemporari , Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Alor Gajah, Melaka, Malaysia (Email : rafizan110379@gmail.com)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Alor Gajah, Melaka, Malaysia (Email : fahmihamid@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Alor Gajah, Melaka, Malaysia (Email: izzahnur@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 8-3-2025
Revised date : 9-3-2025
Accepted date : 9-4-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Mustafa, M. R., Abdul Hamid, M. F., & Zur Raffar, I. N. A. (2025). *Pemeriksaan pengajian Takmir serta signifikannya di Negeri Sembilan: Satu tinjauan. Journal of Islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 831 - 847.

Abstrak: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) badan utama yang mengelola pengurusan Islam ketika itu telah memperkenalkan takmir kepada umum bermula pada tahun 1985. Artikel ini akan mengkaji perubahan dan pembaharuan yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak khususnya pihak JAKIM mahupun Jabatan Agama Islam Negeri termasuk tanda penghargaan kepada jasa-jasa guru takmir yang menjadi tunjang pendidikan tidak formal negara ini. Walaupun terdapat kajian terdahulu berkenaan pengurusan takmir namun ianya masih kurang berkesan untuk memberi impak yang positif terhadap pengurusan yang sistematik memandangkan semua pengurusan takmir 10 tahun terdahulu masih bergantung sepenuhnya kepada sumber tenaga manusia untuk pengoperasian. Pengkaji ingin mengetengahkan solusi yang terbaik buat masa sekarang dengan memperkenalkan sistem pengurusan bersepadu mytakmir yang telah digunakan di Negeri Sembilan. Metodologi kajian adalah dengan mempraktikkan pendekatan kualitatif untuk menganalisis dokumen dan kandungan sebagai kaedah utama pengumpulan data dengan merujuk kepada kajian terhadap bahan-bahan bertulis seperti manual pengurusan takmir, laporan tahunan, modul pendidikan, dan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) selain dokumen oleh pihak berautoriti yang lain. Hasil daripada dapatan kajian, pelbagai usaha dan sokongan telah diberikan oleh banyak pihak terhadap kelangsungan takmir merangkumi pengajian atau guru takmir sendiri sama ada daripada pihak Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri. Selain itu, inisiatif daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dengan memperkenalkan sistem pengurusan bersepadu takmir yang dikenali sebagai “mytakmir” adalah satu permulaan yang sangat baik kepada kecekapan dan signifikan pengajian takmir yang harus dicontohi oleh jabatan-jabatan agama

Islam negeri yang lain. Oleh yang demikian, pihak kerajaan terutamanya haruslah mempergiatkan lagi usaha penambahbaikan dari semua segi terhadap pengajian takmir untuk terus mengekalkan survival pengajian takmir di negara dan negeri ini.

Kata Kunci: Pemerkasaan, Pengajian Takmir, Signifikan

Abstract: *The Malaysian Islamic Development Department (JAKIM), the main body managing Islamic affairs at that time, introduced Takmir studies to the public starting in 1985. This article will examine the changes and reforms that have been made by various parties, especially JAKIM and the State Islamic Religious Department, including recognition for the contributions of Takmir teachers who play a crucial role in the non-formal education of the country. Although there have been previous studies on the management of Takmir, they have still been less effective in creating a positive impact on systematic management, as all Takmir management over the past 10 years has still been heavily reliant on human resources for operations. The researcher aims to highlight the best solution for the present by introducing the integrated management system, MyTakmir, which has been used in Negeri Sembilan. The research methodology uses a qualitative approach to analyze documents and content as the main data collection method, referring to studies on written materials such as Takmir management manuals, annual reports, educational modules, and official documents issued by the Negeri Sembilan Islamic Religious Department (JHEAINS) as well as documents from other authoritative bodies. The findings of the study show that various efforts and support have been provided by many parties for the continuity of Takmir, including the Takmir education or teachers themselves, whether from the Federal Government or the State Government. Furthermore, the initiative from the Negeri Sembilan Islamic Affairs Department (JHEAINS) in introducing the integrated Takmir management system known as "mytakmir" is a very good start towards the efficiency and significance of Takmir studies, which should be emulated by other state Islamic religious departments. Therefore, the government, especially, should intensify its efforts to improve Takmir studies in all aspects to ensure the survival of Takmir education in this country and state.*

Keywords: *Empowerment, Takmir Studies, Significance*

Pengenalan

Program pengajian takmir masjid dan surau merupakan usaha berterusan ke arah memperkasakan ilmu Pendidikan Islam kepada masyarakat umum dan diamalkan bagi merubah sikap masyarakat dalam menghayati Islam secara komprehensif demi kejayaan juga kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat. Ia memberikan tumpuan kepada mendidik masyarakat melalui medium masjid dan surau (Bahagian Dakwah JAKIM 2021). Oleh kerana itu, program takmir di masjid dan surau merupakan suatu program keilmuan Islam di masjid-masjid, surau-sarau dan tempat-tempat tertentu yang dibenarkan oleh Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri dengan adanya peruntukan kewangan daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ianya lebih dikenali dengan kelas pengajian pelajaran agama Islam secara tidak formal di masjid-masjid dan surau-sarau yang dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia melalui penyelarasan dan pembiayaan kewangan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Maziahtusima Ishak et.al 2021).

Berdasarkan buku garis panduan program takmir masjid dan surau seluruh Malaysia mengandungi Dasar Pengurusan dan Penyelarasan yang menjelaskan dengan terperinci pengurusan program takmir ini dijalankan dari peringkat pusat ke negeri. Semua urusan yang berkaitan program kelas pengajian takmir masjid dan surau adalah di bawah nasihat dan penyeliaan dua jawatankuasa seperti berikut iaitu Jawatankuasa Dasar Peringkat Pusat dan juga Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Peringkat Negeri JAKIM 2012 (Muhammad Imran Ibrahim et.al 2022). Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Program Takmir Masjid dan Surau Seluruh Malaysia adalah berperanan sebagai Jawatankuasa Dasar diperingkat Pusat yang mana jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun.

Antara fungsi jawatankuasa berkenaan ialah menentukan dasar berkaitan pelaksanaan program takmir masjid atau surau, meluluskan sukatan pelajaran dan buku-buku teks kelas pengajian takmir, Selain itu, menimbang dan meluluskan keperluan perjawatan serta kelas pengajian dan anggaran perbelanjaan tahunan, menilai maklum balas mengenai prestasi kelas takmir di negeri-negeri dan memaklumkan hasil mesyuarat kepada Persidangan Ketua-Ketua Jabatan dan Persidangan Pengerusi- Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Negeri. Ahli-ahli mesyuarat jawatankuasanya pula terdiri daripada Pengerusi iaitu Ketua Pengarah JAKIM. Timbalan Pengerusi ialah Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), setiausaha adalah Pengarah Bahagian Kemajuan Islam (BKI) JAKIM. Jawatankuasa ini juga terdiri daripada wakil Jabatan Perdana Menteri, wakil Perbendaharaan Malaysia, wakil Jabatan Akauntan Negara Malaysia, wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, wakil Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri, Pengarah Bahagian Undang-Undang JAKIM, Pengarah Bahagian Kewangan JAKIM, Pengarah atau Pesuruhjaya Jabatan Agama Islam Negeri atau pun wakil Timbalan Yang Di Pertua Majlis. Pegawai-pegawai Penyelaras Takmir Negeri di bawah Bahagian Kemajuan Islam JAKIM menjadi urusetia kepada jawatankuasa. Peranan JAKIM adalah lebih kepada menguruskan tuntutan belanjawan yang dihantar oleh unit takmir negeri dan penyelaras kepada seminar dan tafaqquh peringkat kebangsaan, selain bertanggungjawab memantau perjalanan program takmir dan sebagai panel temuduga PPMD (Rosli 2011).

Dari aspek peruntukan kepada guru takmir, menurut Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebanyak RM1.9 bilion diperuntukkan bagi pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam dalam Belanjawan 2024 Malaysia MADANI (Bajet 2024). Menurut Kementerian

Kewangan Malaysia (2023), pula, kerajaan bersetuju untuk memberi bantuan khas atau one-off kepada semua golongan pendidik agama dan pegawai-pegawai masjid termasuk guru takmir dengan peruntukan sebanyak RM36 juta. Selain itu juga elaun guru takmir sentiasa dikaji dari satu tahun ke satu tahun, di mana terkini pada tahun 2020 kerajaan telah bersetuju menaikkan kadar elaun guru takmir daripada RM800 kepada RM900 sebulan semasa Belanjawan 2021 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2020). Menurut Tajul Arifin (2022), seramai 1,000 orang guru takmir ditambah pada tahun 2022 di seluruh negara yang menjadikan jumlah keseluruhan seramai 5,000 orang yang melibatkan peruntukan wang sebanyak RM 10.8 juta setahun. Menurutnys lagi, pihak Kerajaan juga mewujudkan caruman sebanyak RM 232.80 seorang guru takmir bagi Pakej Program Perlindungan di bawah Skim Pekerjaan Sendiri (SPS Lindung) PERKESO Guru Takmir seluruh negara termasuk Negeri Sembilan. Selain itu, dalam belanjawan Negeri Sembilan tahun 2021, kerajaan negeri bersetuju untuk memberi elaun tambahan sebanyak RM50 bagi setiap guru takmir di Negeri Sembilan (Suarakeadilan, 2023).

Metodologi Kajian

Dalam kajian bertajuk "Pemeriksaan Pengajian Takmir Serta Signifikannya : Satu Tinjauan", pendekatan kualitatif digunakan dengan mempraktikkan kepada analisis dokumen dan analisis kandungan sebagai kaedah utama pengumpulan data. Analisis dokumen merujuk kepada kajian terhadap bahan-bahan bertulis seperti manual pengurusan takmir, laporan tahunan, modul pendidikan, dan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) selain dokumen oleh pihak berautoriti yang lain. Kajian ini memilih reka bentuk kajian kualitatif berdasarkan beberapa faktor penting terutamanya kekurangan teori dan data empirikal berkaitan polisi maklumat, disamping jenis data kajian ini adalah dalam bentuk perkataan dan bukan dalam bentuk angka atau nombor. Kaedah Triangulasi data telah digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data daripada pelbagai sumber antaranya ialah daripada dokumentasi, temubual dan kajian lapangan. Selain itu, pendekatan ini bertujuan memahami mesej yang tersurat dan sistematik dalam dokumen yang berkaitan, sejajar dengan pandangan Sabitha (2005) yang menyatakan bahawa analisis dokumen adalah kaedah untuk menghuraikan mesej komunikasi yang telah diterbitkan. Bagi analisis kandungan pula, ia memberi fokus kepada maklumat yang wujud secara objektif untuk menganalisis pemeriksaan serta signifikannya pengajian takmir. Pendekatan ini menggunakan kaedah deduktif bagi menguji teori pemeriksaan terhadap pengajian takmir dan kepentingannya, dan induktif untuk merumuskan elemen-elemen pembaharuan atau pemeriksaan melalui analisis data daripada laporan dan impak pelaksanaan program. Hasil kajian ini dibincangkan secara deskriptif naratif untuk menghuraikan pemeriksaan program takmir, serta deskriptif analitikal bagi menilai keberhasilan langkah-langkah penambahbaikan dalam menunjukkan signifikannya pengajian takmir di Negeri Sembilan. Pendekatan ini memastikan analisis yang menyeluruh dengan mengambil kira kesahihan fakta dan maklumat, selaras dengan tujuan untuk memperkasakan pengajian takmir seterusnya mengekalkan signifikannya di masa hadapan.

Sejarah Awal Pengajian Takmir Di Malaysia

Menurut kamus dewan (2017), takmir membawa maksud amalan atau usaha mahupun kegiatan menjadikan sesuatu itu makmur, gilang-gemilang, giat dan digunakan sepenuhnya. Perkataan takmir membawa maksud usaha memberikan tumpuan berkaitan dengan aktiviti masjid seperti program-program keagamaan yang dijalankan di masjid. Pada peringkat awalnya, pengajaran takmir hanya tertumpu kepada masjid dan surau di negeri-negeri seperti Selangor, Negeri

Sembilan dan Melaka sebelum meluas ke negeri-negeri yang lain (Muhammad Imran Ibrahim et.al, 2022).

Detik permulaan takmir mula berlaku apabila ianya telah dibawa di dalam mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia (JKI) pada tahun 1985 yang di pengkerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Tun Musa Bin Hitam (Abdul Hadi Borhan et.al, 2018). Secara dasarnya, program takmir di masjid dan surau adalah suatu program keilmuan Islam di masjid-masjid dan surau-sarau dan juga tempat khas tertentu yang dibenarkan oleh pihak Majlis atau Jabatan Agama Islam negeri yang dibiayai oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Muhammad Imran Ibrahim et.al, 2022).

Ianya juga jauh berbeza dengan kelas pengajian formal di sekolah dan lain-lain pusat pengajian (Nurul Husna Mansor et.al, 2011). Menurut Abdul Hadi Borhan et.al (2018) lagi, antara tujuan takmir ini diwujudkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ialah untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan ajaran Islam kepada masyarakat dalam usaha untuk melahirkan anggota masyarakat yang bertakwa dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Selain itu, ianya bertujuan untuk membanteras ajaran-ajaran yang menyeleweng dan sesat. Setelah itu, tujuannya adalah untuk menghidupkan masjid-masjid dan surau-sarau sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan Islam dan menghayati ajarannya.

Seterusnya ialah untuk mengenengahkan tokoh-tokoh agama yang berwibawa sebagai benteng perpaduan dan ketahanan umat serta mencontohi perjuangan mereka. Dan terakhir bagi mengimarahkan masjid dengan pengisian ilmu, solat berjemaah dan menjadikannya sebagai pusat pendidikan pembangunan masyarakat yang seimbang. Setelah itu, pada tarikh 17 November 2020, satu mesyuarat telah diadakan iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Program Takmir Masjid dan Surau Seluruh Malaysia Bil. 1/2020 yang bersidang telah sebulat suara meluluskan cadangan untuk perkhidmatan guru takmir secara gunasama di Jabatan Penjara Malaysia. Di dalam mesyuarat tersebut, Bahagian Agama Dan Kaunseling Ibu Pejabat Penjara Malaysia berharap supaya guru takmir dapat turut membantu pegawai-pegawai penjara dalam mengendalikan dan memacu program pemulihan kepada banduan di institusi penjara termasuk juga program pemulihan dalam komuniti (Jabatan Penjara Malaysia, 2021).

Pengajian takmir terus berkembang selepas itu, apabila mantan Menteri Kewangan iaitu Datuk Seri Tengku Zafrul bin Abdul Aziz, mengumumkan bahawa program takmir yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM) akan diperluaskan lagi di peringkat agensi kerajaan seperti Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK), Jabatan Penjara Malaysia dan juga Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) yang mana sebelum ini aktiviti banyak tertumpu di dalam masjid dan surau di seluruh Malaysia (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

Peranan Masjid dan Majlis Taklim dalam Pembangunan Ummah

Menurut Agenda 2025, Institut Agama Islam Bondowoso, Jawa Timur, Indonesia telah menganjurkan Sekolah atau Kursus Pengurusan Masjid Indonesia yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dalam aspek pengurusan, kewangan, pengurusan program dakwah seperti pengajian agama serta aktiviti sosial berasaskan masjid. Antara objektif utama kursus ini adalah untuk melatih peserta menyusun Program Kerja Masjid yang merangkumi aktiviti pengajian, program sosial, serta latihan keterampilan jemaah. Selain itu, peserta juga

diharapkan dapat menyebarkan kaedah dan strategi dakwah yang lebih berkesan dan dinamik, seperti penubuhan kumpulan pengajian atau majlis taklim yang tersusun.

Di Indonesia, masjid dan majlis taklim berperanan sebagai wadah pendidikan dan peningkatan ilmu pengetahuan umat Islam. Ia turut menjadi platform untuk melatih keterampilan membaca al-Quran serta mendalami pelbagai disiplin ilmu agama (Anisa Safitri, 2023). Sementara itu, di Masjidil Haram, Mekah, pengajian secara halaqah atau majlis ilmu mengelilingi guru telah menjadi tradisi turun-temurun sejak zaman Rasulullah ﷺ sehingga kini. Ulama dari pelbagai bangsa turut memainkan peranan penting dalam menghidupkan tradisi ini termasuk dari alam Melayu.

Antara tokoh ulama nusantara yang terkenal ialah Syeikh Muhammad Abdul Qadir Al-Mandili, seorang ulama Melayu tersohor yang kembali ke rahmatullah pada 31 Julai 2012 pada usia 73 tahun. Seorang lagi tokoh ulama Melayu yang turut dikenali dalam kalangan jemaah dari Malaysia, Indonesia, dan Asia Tenggara ialah Syeikh Mohammad, yang mengajar selepas Maghrib di Masjidil Haram dan merupakan antara 15 guru yang dilantik untuk mengajar di sana. Beliau merupakan satu-satunya anak Melayu yang diberi kepercayaan menyampaikan ilmu di masjid paling suci itu (Zainal Mohd. Jais, 2015).

Latar Belakang Takmir Di Negeri Sembilan

Di Malaysia, setiap negeri akan mendapat seorang pegawai penyelaras takmir negeri dan dibantu oleh pembantu tadbir dan juga seorang pegawai penyelaras pentadbiran masjid daerah untuk membantu melancarkan tadbir urus pengajian takmir (Muhammad Imran Ibrahim et.al, 2022). Menurut Abdul Hakim Abd Rashid (2024), jawatankuasa takmir di Negeri Sembilan diketuai oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Seterusnya pengarah JHEAINS akan dibantu oleh seorang Pegawai Takmir Negeri yang menjalankan segala urusan yang melibatkan guru-guru takmir di Negeri Sembilan disamping turut dibantu oleh seorang pembantu untuk menyiapkan dokumentasi yang berkaitan dengan takmir. Pegawai Takmir Negeri ini pula akan dibantu oleh empat orang Pegawai Penyelaras Masjid (PPMD) di setiap daerah di Negeri Sembilan. Tugas utama seorang Pegawai penyelaras masjid daerah (PPMD) adalah melaksanakan dan melicinkan tugas-tugas di peringkat daerah. Dia antara tugas-tugas mereka ialah menyelaras semua perkara mengenai program takmir masjid dan surau di antara jabatan dalam daerah, mengurus dan menyelia tuntutan-tuntutan elaun mengajar daripada guru-guru takmir mengikut daerah masing-masing, menyelia dan memantau perjalanan kelas pengajian takmir masjid dan surau di daerah, merangka dan menyusun jadual kelas pengajian takmir di masjid dan surau di daerah, menyediakan laporan tahunan takmir di peringkat daerah dan berperanan sebagai setiausaha bagi Jawatankuasa Penyelarasan Dan Pelaksanaan Peringkat Daerah (Abdul Hakim Abd Rashid, 2024).



Rajah 1: Struktur Organisasi Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau JHEAINS
Sumber : laman sesawang JHEAINS

Rajah 1 di atas menunjukkan bahawa pegawai penyelarar takmir negeri berperanan sebagai ketua di dalam unit takmir. Peranan utamanya ialah perlu memaklumkan atau melaporkan sebarang permasalahan dan sebarang hal yang berlaku dalam urusan guru takmir kepada KPP BPMS ataupun kepada kepada pengarah JHEAINS. Di antara tugas utama pegawai penyelarar takmir negeri ialah merancang dan menyelaras semua program takmir masjid dan surau yang dilaksanakan di peringkat negeri, daerah dan kawasan majlis pengajian. Selain itu, bertindak sebagai pegawai perhubungan JAKIM dengan pihak berkuasa agama Islam negeri dalam hal yang berkaitan dengan program takmir disamping mengurus dan menyelesaikan pembayaran elaun mengajar kepada semua guru-guru takmir. Seterusnya ialah mengurus peruntukan kewangan yang diagihkan oleh pihak JAKIM untuk program takmir dengan merujuk kepada keputusan jawatankuasa dasar peringkat pusat (Muhammad Imran Ibrahim et.al, 2022).

Inovasi Pengajian Takmir Di Negeri Sembilan

Di Negeri Sembilan, pengajian takmir adalah di bawah pemantauan Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau (BPMS) yang terletak di ibu pejabat Seremban. Namun, di peringkat daerah terdapat seorang Pegawai Penyelarar Masjid Dan Surau (PPMD) yang ditempatkan di setiap pejabat agama Islam daerah di 7 buah daerah di Negeri Sembilan. Di dalam pengkalan data Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan terdapat sebanyak 301 buah masjid dan sebanyak 572 buah surau di seluruh Negeri Sembilan atau 95 peratus daripada masjid dan surau di Negeri Sembilan sudah mengadakan pengajian takmir (JHEAINS 2024). Namun di Negeri Sembilan terdapat sistem pemantauan terhadap pengajian takmir yang sedikit kedepan berbanding negeri lain yang dikenali sebagai sistem mytakmir yang menyelia ke semua aktiviti-aktiviti atau pengajaran guru takmir secara langsung (online) dimana segala maklumat berkaitan dengan sesuatu kuliah takmir itu dapat diketahui serta-merta termasuk topik pengajaran, nama guru takmir, silibus pengajaran, masa dan tempoh pengajaran, nama tempat mengajar dan bilangan peserta yang menyertai kuliah atau pengajaran takmir dalam satu-satu masa. Selain itu juga segala tuntutan elaun guru takmir boleh dilakukan atas talian dengan menggunakan aplikasi mytakmir yang mana secara tidak langsung mempercepatkan urusan tuntutan elaun guru takmir tanpa menggunakan boring manual seperti sebelum ini (Abdul Hakim Abd Rashid, 2024)

A. Sistematik Dan Dinamik Sistem Pengkalan Data

Sistem mytakmir telah diperkenalkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) pada tahun 2022 oleh pengarahnya ketika itu iaitu Y.Bhg Dato' Mohd Zaidi bin Ramli. Sistem ini mula diuji lari di lapangan pada awal tahun 2023 (BPMSNS, 2024).

i. Sistem Mytakmir

Sehingga kini, hanya Negeri Sembilan sahaja satu-satunya negeri di Malaysia yang menggunakan sistem untuk urusan guru takmir mereka yang disebut sebagai *Mytakmir Negeri Sembilan Versi 1.0* (Abdul Hakim Abd Rashid, 2024). Menurutny lagi, kelebihan sistem ini adalah mudah untuk urusan pemantauan setiap pergerakan guru takmir yang mengajar atau pun sistem ini boleh memberitahu pihak berkenaan berapa jumlah guru takmir yang mengajar pada satu-satu masa di seluruh Negeri Sembilan pada hari yang sama. Selain itu, sistem ini boleh mencapai terus subjek apa yang diajar oleh guru takmir pada setiap kali sesi pengajaran sama ada subjek aqidah, feqah, tasawuf atau pun al-Quran. Seterusnya, segala tuntutan yang dibuat oleh guru takmir tidak perlu lagi menggunakan borang manual yang memerlukan guru takmir berjumpa bersemuka bagi pengesahan kehadiran guru takmir ke kelas pengajian. Dengan manfaat teknologi maklumat, guru takmir lakukan hanya perlu memasukkan butiran penting

sesi pengajian takmir seperti tarikh, masa, tempat, bab pengajian, kitab rujukan dan juga bilangan penuntut yang hadir. Setelah itu, proses berikutnya akan dilakukan oleh pegawai penyelarar masjid dan surau untuk proses pengesahan sebelum proses terakhir iaitu kelulusan daripada pegawai takmir negeri. Apabila telah mendapat kelulusan, guru takmir boleh mencetak borang tuntutan elaun pengajian takmir atas talin tersebut untuk diberi kepada pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di bawah Jabatan Perdana Menteri.


ii. Laman Utama Sesawang Mytakmir

Paparan utama sistem ini mengandungi 7 (tujuh) item atau perkara yang penting berkaitan dengan system mytakmir iaitu jumlah guru takmir, subjek diajar mengikut bulan dan tahun semasa, bilangan kehadiran bulanan, guru takmir popular, tempat mengajar popular, guru takmir mengikut daerah mengajar, tempat mengajar guru takmir dan konfigurasi sistem (Mytakmir, 2024).

iii. Jumlah Guru Takmir

Merujuk kepada sistem ini, di Negeri Sembilan jumlah guru takmir adalah seramai 286 orang yang terdiri daripada 235 orang guru lelaki dan 52 orang guru perempuan sehingga kini seperti mana yang dipaparkan di laman utama sesawang Mytakmir. Di mana seramai 41 orang daripada mereka mengajar bidang tauhid, seramai 93 orang mengajar bidang Feqah, seramai 97 orang mengajar bidang al-Quran dan seramai 40 orang mengajar bidang tasawuf.

iv. Subjek Diajar



Rajah 2: Bilangan kehadiran Bulanan Pengajian Takmir Julai 2024


Sumber : <http://mytakmir.ns.gov.my> (2024)

Manakala pecahan subjek yang diajar oleh guru takmir pula adalah seperti berikut iaitu 63% atau pun 473 adalah bidang tauhid. Bidang Feqah adalah 14% atau sebanyak 103 kali diajar. Bidang Tasawuf pula adalah sebanyak 56 kali sesi pengajian atau sebanyak 7% dan yang terakhir pula bidang al-Quran sebanyak 116 sesi pengajian atau sebanyak 16%. Angka-angka ini sentiasa berubah setiap bulan sepanjang tahun semasa.

v. Bilangan Kehadiran Bulanan

Rekod jumlah kehadiran bulanan pendengar kelas takmir seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah histogram di bawah. Status kehadiran ini direkodkan setiap bulan bagi tahun semasa, yang mana bermula daripada Januari sehingga Jun 2024.

Rajah 3: Bilangan kehadiran Bulanan Pengajian Takmir



Sumber : <http://mytakmir.ns.gov.my> (2024)

Di dalam gambarajah 3 di atas menunjukkan bulan Mei adalah jumlah tertinggi pendengar kuliah takmir di surau dan masjid di seluruh Negeri Sembilan. Manakala bulan Jun pula paling kurang mendapat sambutan terhadap kelas pengajian takmir.

vi. Guru Takmir Popular

Sistem ini juga dapat memaparkan 3 (tiga) orang guru takmir yang paling popular untuk sesuatu bulan itu. Setiap bulan guru takmir yang popular akan sentiasa berubah mengikut kekerapan kelas pengajian yang mereka adakan setiap bulan. Bagi bulan Jun antara guru takmir yang popular ialah ustaz Abdul Manas Bin Md Isa yang berada di kedudukan pertama. Kedudukan kedua ialah ustaz Abu Huzaifa Bin Arifin dan kedudukan yang ketiga ialah ustaz Dr. Yusri bin Mohamad Yusak.

vii. Tempat Mengajar Popular

Sistem ini juga akan memaparkan lima tempat mengajar yang paling aktif di kalangan surau atau masjid di Negeri Sembilan. Tempat pertama ialah surau Tuan Hj. Ibrahim Kg. Ulu Belangan. Kedua ialah masjid kariah Felda Palong 1 (satu). Ketiga ialah masjid Pulapol Ayer Hitam. Keempat ialah pusat Islam politeknik Port Dickson dan kelima ialah surau CCRC.

viii. Sub-sistem Mytakmir (ID / kata laluan Guru Takmir)

Sub-sistem Mytakmir ini terpapar di sudut kiri laman sesawang ini iaitu dashboard atau laman utama. Terdapat tujuh (7) navigasi yang berkaitan iaitu profil guru takmir, check-in, check-out, tuntutan guru takmir, laporan dan konfigurasi sistem. Selain itu juga, guru takmir juga boleh mengetahui baki jumlah hari sah laku tauliah atau pun kebenaran mengajar secara terkini dan termasuk juga baki jumlah hari lantikan guru takmir.

ix. Profil Guru Takmir

Di bawah navigasi ini latar belakang setiap guru takmir boleh dikenal pasti antaranya maklumat peribadi seperti alamat tempat tinggal, nombor telefon rumah dan bimbit, nombor akaun bank,

nombor rujukan tauliah mengajar, nombor rujukan guru takmir dan salinan surat tauliah mengajar.

x. Check-in dan check-out

Di bawah navigasi ini pula, terdapat butang check-in iaitu bermulanya masa mengajar bagi seseorang guru takmir di suatu tempat itu. Misalnya, jika guru takmir itu menekan butang check-in ini pada masa pukul 7.15 petang, maka masa pengajian takmir dikira bermula pada jam ini sehingga guru takmir itu menekan pula butang check-out. Namun begitu, guru takmir itu mesti menghidupkan dahulu fungsi location atau tempat mengajar di telefon pintar guru takmir. Guru takmir boleh menekan butang check-out untuk menamatkan sesi pengajian, setelah terlebih dahulu mengisi butiran-butiran seperti kategori tempat mengajar, tempat mengajar, bab yang diajar, kitab rujukan yang digunakan dan juga bilangan kehadiran peserta sebelum dibenarkan untuk check-out.

xi. Tuntutan Guru Takmir

Maklumat penting yang boleh diketahui adalah seperti tahun dan bulan bila yang dibuat oleh guru takmir. Sistem hanya boleh memaparkan tuntutan yang dibuat pada tahun 2023 dan 2024 sahaja kerana sistem ini baru bermula pada tahun 2023 lepas dan untuk bulan pula, sistem ini boleh memaparkan tuntutan yang dibuat pada bulan Januari sehingga Disember bagi kedua-dua tahun.

xii. Mengajar

Bahagian ini terbahagi kepada dua sub-bahagian iaitu laporan individu tau berkelompok yang mana guru takmir boleh mencetak laporan pengajian takmir untuk satu-satu bulan tersebut dalam tahun berkenaan bagi tujuan membuat tuntutan bulanan pengajian atau pengajaran takmir. Setiap guru takmir dibenarkan membuat tuntutan maksimum sebanyak 9 (sembilan) kali bagi setiap bulan. Setelah guru takmir mencetak laporan tersebut, mereka perlu meletakkan tandatangan asli bagi membolehkan tuntutan mereka diproses.

B. Pengukuhan Warga Takmir

Pengukuhan warga takmir adalah elemen penting dalam memastikan kelangsungan dan keberkesanan pengajian takmir dalam membentuk masyarakat Islam yang berilmu dan berakhlak mulia. Di Negeri Sembilan, usaha pengukuhan ini melibatkan pelbagai aspek termasuk pengiktirafan peranan guru takmir, pemerksaan guru takmir, inovasi dalam penyampaian dakwah dan penglibatan aktif dalam Masyarakat. Berikut adalah huraian terperinci mengenai pengukuhan tenaga pengajar takmir.

i. Pengiktirafan Dan Penghargaan Terhadap Guru Takmir

Setiap tahun sejak kebelakangan ini kerajaan sentiasa memberi bayaran khas sekali beri sebanyak RM500 kepada setiap guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), imam, bilal, siak, noja dan marbut termasuk sekali guru takmir. Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata bantuan itu akan memanfaatkan 72,000 orang dengan peruntukan sebanyak RM36 juta. Tambahnya lagi, Setiap tahun kerajaan menyediakan hampir RM700 juta sebagai bayaran elaun bulanan kepada imam, guru KAFA dan guru takmir. Menurutnya lagi, guru takmir adalah kelompok yang berperanan besar dalam mendidik anak-anak di pelbagai lapisan umur dan membantu mengimarahkan Islam di peringkat komuniti. Selain itu, ujar beliau agenda memartabatkan syiar Islam akan terus diutamakan dengan sejumlah RM1.5 bilion disediakan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi pengurusan dan pembangunan hal

ehwal Islam di negara ini (Bajet 2023). Disamping itu juga, disebabkan peranan guru takmir amat besar bukan sahaja di masjid, namun usaha mereka dalam membimbing umat Islam berlandaskan nilai Islam begitu signifikan mutakhir ini, menyebabkan Yang Berhormat Permatang Pauh telah mengusulkan kepada Kerajaan supaya elaun guru takmir dinaikkan daripada RM100 sekali pengajaran kepada RM150 manakala 9 sesi pengajaran ditambah menjadi 10 sesi pengajaran guru takmir bagi meringankan beban kewangan disamping memastikan guru takmir terus komited dan berbakti kepada Masyarakat (Sidang Parlimen, 2024).

ii. Pemerkasaan Ilmu Dan Kompetensi Guru Takmir

Di pihak JAKIM ada menganjurkan saban tahun Program Tafaqquh Guru Takmir dengan usahasama dengan pihak Jabatan Agama Negeri di seluruh Malaysia. Tujuan program tersebut adalah supaya guru takmir diberikan maklumat dan ilmu-ilmu terkini untuk memantapkan lagi semua segi berkaitan guru takmir sama ada jati diri, ilmu dan akhlak mereka (JAKIM,2024). Di Negeri Sembilan, bagi tahun 2024 sahaja, terdapat 6 kali pengajian bagi guru takmir ataupun disebut sebagai Program Tafaqquh Guru Takmir dengan memberi penekanan kepada subjek aqidah dengan menjemput Tuan Guru Ghazali atau Baba Ghazali daripada Pondok Serkam, Patani (Abd Hakim Abd Rashid,2024). Di peringkat pusat pula, pihak Universiti Pendidikan sultan Idris (UPSI) ada mengajurkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat(PSH) berkredit yang telah disertai oleh 20 guru takmir dari Zon utara. Program tersebut sebagai satu langkah untuk memastikan pihak guru takmir juga dapat dibekalkan dengan pendidikan berkualiti terutama di Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam di Malaysia (Apakhabartv, 2024). Diharapkan di Negeri Sembilan juga, pada masa akan datang adanya kursus seumpama itu yang dianjurkan oleh pihak universiti seperti pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Bandar baru Nilai supaya imej guru takmir ini dapat dipertingkatkan lagi dengan adanya pengiktirafan oleh pihak universiti (Abd Hakim Abd Rashid 2024).

iii. Inovasi Dalam Penyampaian Dakwah

Menurut BPMSNS (2024), segala penyampaian maklumat oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dengan aplikasi digital telah mula digerakkan sejak dari tahun 2020 sehingga sekarang dengan terhasilnya sebuah modul yang diberi nama “Pelan Strategik JHEAINS 2020 – 2024” yang dilancarkan oleh YAB Dato’ Seri Hj. Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Di bawah Pelan Strategik ini, terdapat 15 Objektif Strategik atau Bersasar yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan tertinggi JHEAINS yang mana Objektif Strategik yang ke-11 adalah Pendigitalan Perkhidmatan menekankan kepada seluruh pengurusan masjid di Negeri Sembilan dengan penggunaan Khutbah Multimedia setiap kali jumaat. Unit Pengurusan Takmir juga tidak terkecuali daripada penggunaan teknologi pendigitalan ini yang mana mereka turut digesa oleh pihak pengarah JHEAINS supaya mesra dengan penggunaan aplikasi-aplikasi moden yang ada pada hari ini seperti tik-tok, facebook dan lain-lain lagi. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pihak pengurusan takmir negeri dengan Kerjasama pihak JAKIM telah menganjurkan bengkel yang berkaitan dengan teknologi pendigitalan ini, antaranya seperti penganjuran Bengkel Pemantapan Dakwah Pendigitalan Masa Kini untuk Guru Takmir Negeri bagi Zon Tengah dan Zon Selatan pada 31 Julai sehingga 01 Ogos 2024 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi. Pada bengkel tersebut pihak JAKIM telah menjemput pihak Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA)

untuk menyampaikan kepakaran mereka dalam dunia pendigitalan kepada lebih 50 orang guru takmir (MCCA, 2024).

iv. Keterlibatan Aktif Dalam Masyarakat

Mengikut Pelan Strategik Jabatan JHEAINS 2020-2024, guru takmir disarankan untuk mengadakan kunjungan atau lawatan dari rumah ke rumah di kawasan penempatan penduduk yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Pada peringkat awalnya, program tersebut dijalankan kepada kakitangan JHEAINS Sahaja di seluruh daerah di Negeri Sembilan dan setelah itu ia mula diperluaskan kepada guru-guru takmir Negeri Sembilan untuk diteruskan pula. Tujuan program ini adalah untuk mendekatkan guru takmir dengan Masyarakat dengan cara bertanya khabar dan membawa sedikit buah tangan dsamping turut memberikan sedikit tazkirah atau pesanan baik kepada ahli keluarga rumah yang dilawati. Program ini di kalangan warga JHEAINS dikenali sebagai “Door To Door”. Selain itu juga, dengan adanya kunjungan sebegini dapat menyedarkan masyarakat akan kewujudan guru takmir di Kawasan mereka bagi mereka merujuk segala permasalahan yang berkaitan dengan agama (JHEAINS, 2024).

v. Pengukuhan Integriti Dan Profesionalisme

Di Negeri Sembilan, seseorang yang ingin mengajar agama atau ceramah agama adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Di bawah peruntukan seksyen 53 (1), Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 iaitu mana-mana individu yang ingin mengajar apa-apa perkara yang berkaitan dengan agama Islam di mana-mana tempat selain mengajar ilmu agama kepada ahli keluarga di tempat kediamannya sahaja, hendaklah mempunyai tauliah mengajar agama daripada jabatan mufti. Mengajar agama ertinya mengajar apa-apa perkara yang berkaitan dengan agama Islam, termasuk memberi ucapan atau kuliah seperti yang termaktub di bawah Seksyen 2 (e) Enakmen Jenayah Syariah (Pindaan) (2004) (Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, 2004). Selain itu juga, Kod Etika Guru Takmir telah dijadikan rujukan dan panduan kepada guru-guru takmir Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Majlis/ Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN) dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di seluruh Malaysia. Terdapat empat tujuan utama iaitu untuk meningkatkan disiplin diri guru takmir, penerapan nilai-nilai murni, komitmen guru takmir kepada tanggungjawab dan memelihara profesion guru takmir. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) khususnya unit takmir turut mengaplikasikan kod etika ini kepada seluruh guru takmir Negeri Sembilan (Abdul Hakim Abd Rashid, 2024).

vi. Penglibatan Dalam Program Antarabangsa

Pengajian takmir bukan Sahaja berlegar di dalam negara, malah kesatuan takmir ini melibatkan ulamak-ulamak dari serata dunia dengan adanya penganjuran program seperti ijtima atau Perhimpunan Ulamak Sedunia yang saban tahun diadakan di Malaysia. Pihak JAKIM melalui Unit Takmir Negeri mengalu-alukan guru takmir seluruh Malaysia termasuk di Negeri Sembilan untuk menyertai program seperti ini yang mana impaknya begitu besar untuk guru-guru takmir khususnya di Negeri Sembilan. Di dalam perhimpunan ini, guru takmir dapat bertukar-tukar fikiran dan juga pandangan terhadap sesuatu permasalahan ummah seterusnya dapat diselesaikan secara bersama untuk diaplikasikan di dalam Masyarakat (Abdul Hakim Abd Rashid, 2024).

C. Signifikan Pengajian Takmir

Menurut Abdul Hakim Abd Rashid (2024), keberadaan pengajian takmir di Tengah-tengah masyarakat amat diperlukan kerana setidak-tidaknya boleh membantu mereka-mereka yang sedang berubah kearah kebaikan atau mula mengorak langkah ke jalan yang diredhai oleh Allah setelah sekian lama dibelenggu oleh kejahilan dan kekhilafan diri. Mereka-mereka ini terdiri daripada pelbagai latar belakang keluarga, pendidikan, pekerjaan dan sebagainya.

i. Pengukuhan Aqidah Dan Penghayatan Agama

Di Negeri Sembilan, isu-isu Aqidah amat dititik beratkan dalam masyarakat Islam di negeri ini sehingga teks khutbah terbitan JHEAINS turut diselitkan gesaan supaya umat Islam di negeri ini berpegang kuat dan teguh dengan aliran Sunnah wal Jamaah yang dipelopori oleh 2 orang imam iaitu Imam Hassan as-sya'ari dan Imam Mansur al- Maturidi. Selain itu juga guru takmir diwajibkan mengajar topik atau silibus aqidah untuk tempoh 2@3 tahun kebelakangan ini berbanding disiplin ilmu Islam yang lain bagi memberi kefahaman kepada masyarakat Islam di luar sana akan bahayanya ajaran-ajaran yang bertentangan dengan aliran 2 orang imam tersebut (Abd Hakim Abdul Rashid, 2024). Selain itu juga, JHEAINS telah melancarkan kempen “Jom Ke Mosojid” sebagai tagline untuk menyeru masyarakat di negeri ini supaya menunaikan solat lima waktu berjemaah di seluruh masjid di negeri ini. Kempen ini juga turut melibatkan guru takmir di negeri ini sebagai duta JHEAINS bagi menyemarakkan lagi gaya hidup Islam yang sebenar dalam kehidupan (JHEAINS, 2024).

ii. Pemantapan Ilmu Keagamaan Secara Berterusan

Tamadun yang gemilang bermula dengan keilmuan yang dimiliki oleh masyarakat yang secara jujur menjalankan sistem sesebuah negara merangkumi sosial, ekonomi dan politik. Tulang belakang bagi menjamin pembangunan sebuah negara yang lestari iaitu yang bersifat kekal dan berterusan adalah melalui masyarakatnya yang berilmu pengetahuan (Syamsul et. al, 2005). Lebih diberikan keutamaan adalah dari segi aspek Pembangunan insan yang holistik, pemerksaan jati diri dan juga identiti muslim menerusi kefahaman kepada ilmu Tauhid sepertimana zaman kegemilangan tamadun Islam Andalusia (Khalif, 2009). Di atas semangat itu, JHEAINS telah menerapkan pendidikan aqidah sehingga ke akar umbi masyarakat di negeri ini melalui pengajian takmir di masjid-masjid dan surau-surau di negeri ini. Selain daripada ilmu aqidah guru-guru takmir di negeri ini digalakkan untuk mengajar semua bahagian disiplin ilmu yang ada di dalam Islam seperti Feqah, Tasawuf, Tafsir, Hadis, Sirah, Ulum al-Quran dan sebagainya lagi (Abdul Hakim Abdul Rashid, 2024).

iii. Pengukuhan Institusi Masjid Dan Surau

Peranan masjid dalam pengajaran agama telah menjadi asas sejak zaman berzaman dalam masyarakat Islam diserata dunia yang mana ianya menjadi tempat tumpuan utama dalam sebarang aktiviti pembelajaran ilmu agama (Mustari & Jasmi, (2008) , Nur Uswah Ahmad Fauzi & Nurunabilah Mahirah Mohamad Zaini, 2024). Peranan masjid pada masa sekarang tetap sama sebagaimana pada zaman Rasulullah SAW sebagai tempat ibadah, pusat perhubungan sosial dan tempat penyebaran dakwah serta ilmu dan pendidikan (Shahbuddin & Gunardi, 2023). Namun menurut mereka lagi, konsep dan pendekatan dalam mengimarahkan masjid perlu diperkasa dan dipelbagaikan mengikut trend terkini kerana gaya hidup masyarakat kini berbeza dengan zaman awal Islam dahulu. Bagi memastikan peranannya terus dipertahankan dan diperluas, pihak masjid haruslah mempertingkatkan kemampuan bagi beradaptasi dan berinovasi dalam penyampaian ilmu agama kepada masyarakat (Abd, Ghani, (2021), Nur Uswah Ahmad Fauzi & Nurunabilah Mahirah Mohamad Zaini, 2024). Guru-guru

takmir di Negeri Sembilan sememangnya diwajibkan untuk mengajar sekurang-kurangnya sebuah masjid dan sebuah surau bagi setiap guru takmir supaya pengimarah masjid dan surau sentiasa berlangsung sepanjang masa untuk menghidupkan dan memartabatkan masjid dan surau sebagai tempat utama bagi penyebaran ilmu pengetahuan terutama ilmu berkaitan keagamaan kepada masyarakat di negeri ini (Abdul Hakim Abdul Rashid, 2024).

iv. **Pemeriksaan Peranan Guru Takmir**

Menurut Muhammad Irfan Ismail (2024), kerjasama pihak Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK) dengan pihak guru takmir telah lama wujud sejak tahun 2021 yang mana saat itu pengajian takmir mula diperkenalkan di AADK seluruh negara. Menurutnya lagi pelbagai program telah dirangka dengan kerjasama kakitangan AADK dan pihak guru takmir antaranya ialah program Masjid Angkat bersama ahli kariah atau penduduk sesebuah masjid itu. Pengisian program adalah seperti solat taubat, sesi tazkirah, praktikal mandi wajib, membuat kerja-kerja pembersihan dan mengecat masjid. Selain itu, setiap bulan guru takmir akan datang mengajar di pusat AADK seluruh daerah di Negeri Sembilan sebanyak 3 atau 4 kali sesi pengajian berkaitan Bab Tauhid, Ibadah, Tasawuf mahupun Tahsinul Quran iaitu memperbaiki bacaan al-Quran. Selain itu kelas takmir di pusat rawatan AADK di 7 daerah di Negeri Sembilan telah berjalan selama lebih kurang 3 tahun yang mana modul “Tazkiyah Nafs” telah dikeluarkan oleh pihak AADK sendiri dengan Kerjasama pihak JAKIM bagi memastikan klien-klien di pusat ini mendapat pengajaran agama yang secukupnya dan berkualiti. Pusat pemulihan di 7 daerah tersebut ialah Seremban, Jelevu, Port Dickson, Kuala Pilah, Rembau, Tampin dan Jempol (AADK, 2021).

v. **Pembinaan Masyarakat Madani**

Masyarakat madani ialah individu yang terdiri daripada mereka yang mempunyai nilai-nilai kebijakan umum yang digelar sebagai al-khair (Soroto, 2015). Menurut Pejabat Perdana Menteri (2023) Malaysia MADANI terdiri daripada **enam rukun** iaitu M mewakili (keMampanan), A mewakili (kesejAhteraan), D mewakili (Daya cipta), A mewakili (hormAT), N mewakili (keyakiNan) dan I mewakili (Ihsan) yang menjadi tonggak dalam mencorakkan hala tuju Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. Menghurai lebih lanjut berkenaan dengan ke enam-enam rukun tersebut adalah seperti berikut iaitu kemampanan merujuk kepada keseimbangan dan kesejahteraan iaitu mengamalkan sifat menghormati dan mengasihi sesama manusia termasuk juga haiwan dan alam sekitar. Berikutnya adalah kesejahteraan adalah merujuk kepada kehidupan. Daya cipta adalah menunjukkan pembaharuan, reka baru dan reka cipta dan penghasilan idea yang kreatif. Seterusnya Hormat adalah suatu sikap atau perbuatan yang mempunyai unsur budi bahasa, kesopanan dan ketawadukan. Manakala keyakinan bersangkut paut dengan nilai amanah yang mencakupi duniawi dan ukhrawi. Ihsan pula adalah satu perasaan yang dapat menyelami perasaan manusia lain sehingga mencetuskan perasan kasih sayang sesama manusia sama ada dengan keluarga, sahabat, jiran dan masyarakat. Didapati bahawa elemen-elemen yang terdapat di dalam Malaysia Madani ini seiring dengan tuntutan yang terdapat di dalam ajaran Islam dan silibus yang diajar oleh guru takmir terutamanya ilmu yang berkaitan tasawuf atau akhlak. Di Negeri Sembilan penekanan yang lebih diberikan kepada aliran tasawuf atau sufi yang dikenali sebagai Tarikat Tasawuf yang menjadi kemuncak kepada pengabdian seseorang itu kepada tuhan yang mampu melahirkan insan yang terbaik akhlaknya dan tambahan pula Negeri Sembilan adalah satu-satunya negeri di Malaysia malah di dunia sekalipun mempunyai Enakmen atau undang-undang yang berkaitan dengan Tarekat Tasawuf dikenali sebagai Enakmen Tarekat Tasawwuf Negeri Sembilan 2005 (Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 2024).

vi. Pencegahan Ajaran Sesat Dan Ekstremisme Agama

Di Negeri Sembilan terdapat 10 ajaran yang telah difatwakan sesat atau bercanggah dengan ajaran Islam antaranya ialah golongan antihadis, ajaran Tapediri 65 atau Ba Tha Mim 114, ajaran dan fahaman Hizbut Tahrir, upacara dan amalan perbomohan Ibrahim Mat Zin, ajaran zikir alunan zat cinta/hikmah al-Fatihah daripada Mohd Zaman Mohd Nor, ajaran Millah Abraham@Ibrahim, ajaran Taslim, ajaran Qadiani, ajaran dan fahaman al-Arqam dan aliran dan dakyah Wahhabiah (Bahagian Penguatkuasaan, JHEAINS, 2024). Selain itu, isu atau cabaran daripada luar turut dibimbangi oleh ramai pihak antaranya globalisasi merupakan suatu idea yang tidak dinafikan manfaatnya, namun jika tidak dikawal ianya mampu mencorakkan gaya dan cara hidup umat Islam seperti yang berlaku pada hari ini. Selain daripada itu Media-imperialisme turut diakui memberi ancaman dalam berlebih-lebihan mengagungkan seseorang artis atau selebriti hiburan daripada semulia-mulia manusia dan makhluk iaitu saidina Rasulullah Sallallahu alaihi wassalam (Muhamad Bukharuddin Ismail, 2013). Oleh itu, guru takmir sangat ditagih peranan mereka dalam membentuk masyarakat Islam pada hari ini kerana masyarakat kini berdepan dengan pelbagai fitnah dan ancaman akhir zaman termasuk aliran pemikiran yang salah daripada ajaran yang sebenar (Islam, 2021).

Kesimpulan

Usaha yang dilakukan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) harus dipuji kerana terus menyuburkan dan memperkasakan takmir di negeri ini di dalam pelbagai sudut untuk memastikan takmir ini terus relevan dan terus kekal bertapak sampai bila-bila bagi menatijahkan masyarakat yang mempunyai budi pekerti yang luhur hasil daripada tarbiyah guru takmir yang tidak pernah kenal penat lelah sentiasa memberikan yang terbaik untuk ummah. Diharapkan juga, pada masa akan datang sistem mytakmir boleh diperluaskan kegunaannya di lain-lain negeri di Malaysia kerana manfaat yang begitu besar untuk guru takmir dalam era digital masa kini. Semoga takmir ini terus memberikan manfaat untuk manusia bagi meneruskan fungsinya sebagai khalifah tuhan di muka bumi ini disamping menjadi hambanya yang bertaqwa disisinya. Sokongan daripada kerajaan juga amat dipuji, walaupun kerajaan silih berganti, namun bajet untuk takmir tidak pernah dilupakan sama sekali oleh pemimpin tertinggi negara ini dan kita doakan supaya bajet dan peruntukan kewangan akan sentiasa ada dengan kehendak dan izin yang maha esa.

Rujukan

- Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK) (2021), drpd online <https://www.aadk.gov.my/> Plan Strategik AADK 2021-2025
- Abdul Ghani (2021), Nur Uswah Ahmad Fauzi & Nurunabilah Mahirah Muhamad Zaini (2024), *Pemeriksaan Dakwah Kontemporari Pengajian Agama Di Masjid Zahir, Alor Setar : Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & kemanusiaan kali ke-9*
- Abd Hadi Borham et.al (2018), *Bentuk Komunikasi Pengajaran Dalam Pengajian Takmir Di Institusi Masjid : Satu Tinjauan Literatur . Al-Hikmah* 10 (2) h(17-34).
- Abdul Hakim Abd Rashid (2024), *Temubual Unit Takmir, Pejabat Agama Islam Daerah Tampin*
- Agenda (2025), IAI At-Taqwa Bondowoso Sukses Gelar Sekolah Manajemen Masjid Indonesia (SMMI) Jilid II drpd online <https://iai.attaqwabws.ac.id>
- Anisa Safitri (2023). *Pemanfaatan masjid Sebagai Sumber Belajar Pendidik Agama Islam Dalam Pembinaan Praktik Ibadah Di Masjid Al-Muttaqin II Kecamatan Kota Manna : Program Studi Pendidikan Agama Islam Fakultas Tarbiyah Dan Tadris Universitas Islam Negeri Fatmawati Sukarno Bengkulu.*
- Apakhabartv (2024), drpd online <https://apakhabar.gov.my>
- Bahagian Dakwah JAKIM (2021), Muhammad Imran Ibrahim et, al (2022). *Pengurusan Takmir Dan Peranan Dalam Pengimarahen Masjid Dan Surau Negeri Perak : Bitara International Journal Of Civil Civilization Studies & Human Science*, volume 5.pg (100-181).
- Bahagian Penguatkuasaan, JHEAINS (2024), drpd online <https://jheains.ns.gov.my.ajaran> sesat.
- Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau, JHEAINS (2024). *Fail Kaedah Pengurusan Guru Takmir ; Etika Guru Takmir.*
- Bajet 2023 (2022), Kementerian Kewangan : Guru KAFA, imam, bilal, siak terima khas RM500 drpd online <https://www.mof.gov.my>
- Bajet 2024 (2023), Kementerian Kewangan : Kerajaan Peruntuk RM 1.9 bilion Pembangunan Hal Ehwal Islam drpd online <https://www.mof.gov.my>
- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 drpd online <http://library.jksm.gov.my>
- Islam (2021), *Pemukiman Takmir Zon Utara Bersama YB Senator Tuan Haji Idris Bin Ahmad Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)* drpd online <https://www.islam.gov.my>
- Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) (2024). *Laman sesawang* drpd online <https://www.jheains.ns.gov.my>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2024), *Kod etika guru takmir masjid dan surau seluruh Malaysia* drpd online <https://www.jakim.gov.my>
- Jabatan Mufti Negeri Sembilan (2025), drpd online <https://muftins.gov.my>
- Jabatan Penjara Malaysia (2021), *Program Bersama komuniti agama & kaunseling* drpdonline <https://www.prison.gov.my>
- kamus dewan (2017), *Maksud takmir*, (edisi baru) drpd online <https://prpm.dbp.gov.my>
- Kementerian kewangan Malaysia (2020), *Elaun Guru Takmir Dinaikkan Kepada RM900 daripada* online <https://www.mof.gov.my>
- Kementerian kewangan Malaysia (2021), *Ucapan bajet 2022 : Edisi 2022* diterbitkan pada 29 Oktober 2021.Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur
- Kementerian kewangan Malaysia (2023), *Bajet 2024 : Kerajaan Peruntuk RM1.9 Billion Pembayaran Hal Ehwal Islam* drpd online <https://www.mof.gov.my>

- Khalif (2009), Muhamad Haidir Bin Zainuddin & Mohd Aderi Che Noh (2019), Pentarbiahan Masyarakat Berasaskan Pengajaran Takmir : e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan 2019.
- Maziahtusima Ishak et. al (2021), Muhammad Imran Ibrahim et. al (2022), Pengurusan Takmir Dan Peranan Dalam Pengimarahen Masjid Dan Surau Negeri Perak : Bitara International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences. volume (5), pg (160-181).
- Malaysia Cyber Consumer Association (MCCA) (2024), Bengkel Pemantapan Dakwah Pendigitalan Masa Kini Untuk Guru Takmir Negeri Bagi Zon Tengah Dan Zon Selatan (Jakim) drpd online <https://cyberconsumer.my>
- Muhamad Bukharuddin Ismail (2013), Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Johor : Peranan Guru Takmir Dalam Memajukan Ummah.
- Muhammad Imran Ibrahim et.al, (2022), Jurnal Bitara Antarabangsa Pengajian Peradaban & Sains Kemanusiaan : Pengurusan Takmir Dan Peranan Dalam Pengimarahen Masjid Dan Surau Negeri Perak volum (5), h. 160-181.
- Muhammad Irfan Ismail (2024), Temubual AADK Daerah Tampin, Negeri Sembilan.
- Mustari & Jasmi (2008), Nur Uswah Ahmad Fauzi & Nurunnabilah Mahirah Mohamad Zaini (2024), Pemeraksanaan Dakwah Kontemporari Pengajian Agama Di Masjid Zahir Alor Setar : E- Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-9.
- Mytakmir (2024). drpd online <http://mytakmir.ns.gov.my>
- Nurul Husna Mansor et, al (2011), Muhammad Imran Ibrahim et.al, (2022), Jurnal Bitara Antarabangsa Pengajian Peradaban & Sains Kemanusiaan : Pengurusan Takmir Dan Peranan Dalam Pengimarahen Masjid Dan Surau Negeri Perak volum (5), h. 160-181.
- Pejabat Perdana Menteri (2024), Membangun Malaysia Madani drpd online <http://www.pmo.gov.my>
- Rosli (2011), Shuhadak Mahmud & Iknor Azli Ibrahim (2014), Perlaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimarahen Masjid Di Negeri Sembilan. Al-Hikmah 6 (2), h.(53-64).
- Sabitha, M. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Shahbuddin & Gunardi (2023), Nur Uswah Ahmad Fauzi & Nurunnabilah Mahirah Mohamad Zaini (2024), Pemeraksanaan Dakwah Kontemporari Pengajian Agama Di Masjid Zahir Alor Setar : E- Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-9.
- Sidang parlimen (2024), Guru Takmir Memainkan Peranan Besar Bukan Sahaja Di Masjid, Tetapi Membimbing Dan Membina Umat Islam drpd online <http://www.facebook.com>
- Suarakeadilan (2023), Negeri Sembilan Naikkan Elaun Guru Takmir drpd online <http://www.suarakeadilan.my>
- Suroto (2015), Muhamad Haidir Bin Zainuddin & Mohd Aderi Che Noh (2019), Pentarbiahan Masyarakat Berasaskan Pengajaran Takmir : e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan 2019.
- Syamsul et.al (2005), Muhamad Haidir Bin Zainuddin & Mohd Aderi Che Noh (2019), Pentarbiahan Masyarakat Berasaskan Pengajaran Takmir : e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan 2019.
- Unit Takmir JHEAINS (2024), Fail Laporan Unit Takmir Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Ibu Pejabat Seremban.
- Zainal Mohd. Jais (2015). Ulama Melayu Di Masjidil Haram drpd online: <https://www.penaminang.com>